

Paras takungan air berada bawah paras 50 peratus ekoran cuaca panas

Lima empangan kurang air

Oleh MOHD. TURMAZDI MADUN


PUTRAJAYA – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mendedahkan, sebanyak lima buah empangan telah mencatatkan paras air di bawah 50 peratus akibat fenomena El Nino yang berlaku sejak awal tahun ini.

Menternya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, empangan itu termasuk di Gemencheh, Negeri Sembilan (22.2 peratus), Labong, Johor (14.4 peratus), Bukit Kwong, Kelantan (31.5 peratus), Padang Saga, Kedah (35 peratus) dan Timah Tasoh, Perlis (40.8 peratus).

Bagaimanapun katanya, keputusan untuk mencatu air terserah kepada kerajaan negeri



WAN JUNAIDI



PARAS takungan air di Empangan Gemencheh, Negeri Sembilan pada masa ini berada di bawah paras kritikal iaitu sebanyak 22 peratus ekoran cuaca panas.

kerana pihaknya hanya memberi garis panduan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran. Dalam pada itu beliau berkata, terdapat lima kawasan yang mencatatkan suhu tertinggi melebihi 31 darjah Celsius setakat

ini iaitu di Temerloh, Pahang; Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, Perak; Batu Embun, Jerantut, Pahang; Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis. “Walaupun di Kuching, Sarawak masih dilanda hujan

Cari garis panduan bagi menghadapi fenomena iklim melampau

Mesyuarat bincang cuaca panas

KUALA LUMPUR – Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, pada pukul 2.30 petang ini dijangka membincangkan mesyuarat bagi menangani isu cuaca panas dan berkaitan fenomena El Nino yang melanda negara akan diadakan di pejabat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di Putrajaya hari ini.

Menurut Jaafar, pada pukul 2.30 petang ini dijangka membincangkan antaranya keperluan untuk mengagihkan jawatankuasa selingan peringat kemunculan yang bertanggungjawab dalam menangani isu berkaitan.

Menurut Jaafar, Mesyuarat itu, Pakar Iklim

linda negara, pada satu panas semestinya, kerana berlaku bertamanya di kawasan utara Semenanjung. “Selain itu fenomena El Nino kini berlaku di dalam proses penurunan cuaca akan berlaku pada akhir minggu ini,” katanya.

Kemua kabinet melaporan satu mesyuarat yang akan diadakan oleh kerajaan dan terlibat berkaitan bagi mengemukakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani isu cuaca panas dan banjir yang berlaku melanda negara.

KERATAN Kosmo! semalam.

lebat dan berlaku banjir tetapi secara keseluruhan di utara Semenanjung, Sabah dan Sarawak seperti Miri dan Limbang masih kering dan panas,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu beliau mepengerusikan mesyuarat khas bagi membincangkan cuaca panas yang melanda negara bersama pelbagai kementerian dan jabatan.

Menurut Wan Junaidi, sehingga Isnin lalu, Jabatan Alam Sekitar telah mengesan sebanyak 617 kes pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan, pertanian, industri, tapak pembinaan, tapak pelupusan sampah, dan belukar.

Tambahnya, sebanyak 52 kompaun telah dikeluarkan dan tiga kes akan dibawa ke mahkamah.

Dalam pada itu beliau berkata, kementerian akan membentangkan satu garis panduan yang mengandungi pelbagai cadangan kepada Kabinet pada Jumaat ini termasuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menghadapi musim panas melampau dan fenomena gelombang haba.

“Ia termasuk pelan tindakan yang melibatkan aktiviti persekolahan yang mungkin terjejas berikutan cuaca panas,” katanya.

● LAGI BERITA DI MUKA 16 DAN 17